

**20 Delegasi Negara Luar Lawat Pusat Latihan Pengaman Malaysia  
Bernama  
30 Mac, 2012  
Oleh Ahmad Kamil Tahir**

PORT DICKSON, 30 Mac (Bernama) -- Seramai 20 orang delegasi negara luar yang terdiri daripada duta, pesuruhjaya tinggi dan atase mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) di sini, Jumaat.

Antara delegasi yang hadir ialah dari Belgium, Chile, Amerika Syarikat, Finland, India, Jordan, Mexico, Rusia, Norway dan Singapura.

Turut hadir semasa lawatan ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan Datuk Dr Ismail Bakar, Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia Lt Jen Datuk Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor dan Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia, Kamal Malhotra.

Lawatan ini adalah kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan Program Pembangunan PBB (UNDP) yang bertujuan untuk mengkomersialkan PLPM ke peringkat antarabangsa.

Pada lawatan tersebut para delegasi telah mendengar taklimat mengenai sejarah penglibatan Malaysia dalam misi-misi pengaman di seluruh dunia, penubuhan PLPM dan kursus yang ditawarkan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Cawangan Latihan Pertahanan Brig Jen Datuk Hasny Md Salleh. PLPM ditubuhkan pada Januari 1996.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655949>